(A) Lengkapkan teks dengan kata pemeri, kata bantu serta kata berimbuhan awalan dan kata berimbuhan akhiran yang betul.

Jangan Ambil Ringan



Dalam perjalanan ke Pulau Pinang, Tinesh sekeluarga berhenti di henti_____ rehat dan rawat. Tinesh mendapati bahawa agak ramai orang di situ. Ada yang **mahu/pernah** makan dan _____rehat di pondok-pondok rehat.

"Ramai benar orang berhenti rehat di sini, ayah," kata Tinesh.

"Ya, Tinesh. Mereka **mungkin/telah** dalam perjalanan pulang. Ada yang **telah/belum** melalui perjalanan yang sangat jauh dan mereka terlalu penat," jelas Encik Ravin.

"Oh, patutlah ramai sekali yang berhenti rehat!" kata Tinesh.

"Ramai pemandu sedar akan larang_____tidur di dalam kereta dengan enjin yang **masih/akan** hidup. Perbuatan ini amat _____risiko kerana _____undang bahaya yang tidak dijangka. Tindak_____ mereka **adalah/ialah** bijak kerana berhenti rehat di pondok rehat sambil _____ambil udara segar di sini," jelas Encik Ravin.

"Mengapakah perbuatan tidur di dalam kereta bahaya, ayah?" tanya Tinesh.

"Jika berlaku kebocoran gas daripada ekzos, kita tidak **akan/telah** sedar. Hal ini disebabkan gas karbon monoksida tiada bau dan warna. Gas ini tidak **dapat/harus** kita amat_____. Gas karbon monoksida **adalah/ialah** gas beracun yang **boleh/perlu** menyebabkan kerosakan organ dan boleh _____bunuh. Oleh itu, elak_____ perbuatan tersebut. Amal_____ langkah keselamatan dan jangan ambil ringan," jelas Encik Ravin.

LIVEWORKSHEETS